

**SOALAN-SOALAN LAZIM BAGI  
DASAR PENANGUHAN BAYARAN SEBAHAGIAN GANJARAN BERKAITAN  
PERSARAAN PILIHAN SEKTOR AWAM**

- 1. Siapakah yang layak dipertimbangkan pengecualian daripada bayaran 20% dari ganjaran?**

Mereka yang layak dipertimbangkan pengecualian daripada bayaran 20% dari ganjaran adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 4 surat edaran KPPA bertarikh 25 Januari 2010 iaitu mereka yang memerlukan:

- i- Rawatan perubatan diperlukan oleh anggota atau ahli keluarganya (berasaskan surat akuan bertulis oleh Pegawai Perubatan Kerajaan);
  - ii- Perbelanjaan pendidikan diperlukan oleh anggota atau ahli keluarganya (berasaskan surat tawaran pengajian dan surat penerimaan pengajian dari institusi pendidikan); atau
  - iii- kewangan bagi mengelakkan diri daripada tindakan kebangkrapan (berasaskan dokumen berkaitan tindakan undang-undang ke atas anggota).
- 2. Sekiranya saya mempunyai alasan selain di perenggan 4 surat edaran KPPA, bolehkah saya diberi pengecualian dan siapa yang akan mempertimbangkan pengecualian?**

Pemohonan pengecualian boleh dipohon daripada Bahagian Pasca Perkhidmatan (BP), JPA dengan mengemukakan bukti bertulis yang menyatakan sebab pengecualian untuk pertimbangan JPA.

- 3. Bilakah pegawai boleh mengetahui keputusan pengecualian?**

Keputusan pengecualian boleh diperolehi dalam tempoh 2 minggu dari tarikh dokumen lengkap diterima. Keputusan tersebut akan dimaklumkan serta merta melalui telefon/faks/surat/emel.

- 4. Apakah yang akan berlaku sekiranya permohonan pengecualian ditolak?**

Sekiranya permohonan pengecualian ditolak, JPA akan memulangkan semula dokumen persaraan kepada Jabatan untuk pertimbangan semula pemohon.

- 5. Bolehkah saya menarik balik permohonan persaraan pilihan?**

Anggota boleh menarik balik permohonan persaraan pilihan sekiranya permohonan belum diluluskan oleh pihak berkuasa melulus (Bahagian

Pasca Perkhidmatan, JPA atau Pihak Berkuasa Negeri). Anggota tidak boleh menarik balik permohonan persaraan pilihan selepas permohonan persaraan pilihan diluluskan,

**6. Berapa lamakah tempoh kelulusan persaraan pilihan?**

Mengikut piagam pelanggan Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA, kelulusan persaraan pilihan adalah dalam tempoh 3 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima.

**7. Apakah jenis hutang yang akan dipotong daripada ganjaran saya?**

Jenis hutang yang akan dipotong adalah seperti berikut:

- i. Caruman syer kerajaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Kumpulan Wang Simpanan Lain (dan faedah ke atasnya) bagi tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira bagi perkiraan faedah persaraan dan/atau caruman syer kerajaan yang terlebih diambil oleh anggota;
- ii. Baki Pinjaman Perumahan Kerajaan;
- iii. Cukai Pendapatan; dan
- iv. Hutang-hutang lain yang perlu dituntut oleh Kerajaan.

**8. Sekiranya persaraan saya telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri tanpa opsyen,**

**i. Adakah saya tertakluk kepada syarat surat edaran tersebut?**

lanya bergantung kepada tarikh kelulusan persaraan pilihan yang diluluskan. Sekiranya kelulusan dibuat selepas 1 Februari 2010, pegawai hendaklah mengisi borang persetujuan seperti di Lampiran B surat edaran tersebut.

**ii. Bolehkah saya memohon pengecualian supaya ganjaran dibayar sepenuhnya?**

Boleh. seperti yang dinyatakan di perenggan 4 surat edaran KPPA bertarikh 25 Januari 2010

- 9. Sekiranya saya bersetuju untuk menerima ganjaran 20% semasa bersara pilihan, bilakah saya boleh mendapatkan baki ganjaran tersebut?**

Baki ganjaran tersebut akan dibayar sepenuhnya pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur bersara wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib.

Walau bagaimanapun sekiranya berlaku keadaan seperti di perenggan 4 surat edaran KPPA tersebut (rawatan perubatan atau perbelanjaan pendidikan diperlukan oleh anggota atau keluarga, atau anggota memerlukan kewangan bagi mengelakkan diri daripada tindakan kebangkrutan) pada bila-bila masa selepas persaraan, anggota boleh memohon untuk dibayar baki ganjaran dengan mengemukakan bukti bertulis.

- 10. Sekiranya saya meninggal dunia sebelum baki ganjaran diterima, apakah yang perlu dilakukan?**

Waris atau wakil perlu memaklumkan segera kepada Jabatan ini melalui talian 03-88854395 / 03-88854410 / 03-88854449.

- 11. Sehingga bilakah dasar penangguhan bayaran sebahagian ganjaran berkaitan persaraan pilihan ini akan dilaksanakan?**

Sehingga ditetapkan oleh Kerajaan.

- 12. Saya merupakan anggota lantikan selepas 12 April 1991 yang mana pencen saya akan dibayar pada umur persaraan wajib saya. Sekiranya ganjaran tidak dapat menampung hutang saya, bagaimanakah hutang tersebut dapat dijelaskan memandangkan saya tidak layak menerima pencen pada waktu persaraan?**

Sekiranya ganjaran tidak mencukupi untuk menampung hutang, maka baki hutang tersebut akan ditolak dari bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR). Sekiranya bayaran GCR masih tidak dapat menampung hutang tersebut, pesara perlu menyelesaikan sendiri hutang tersebut dengan pihak pemiutang atau berhubung dengan pihak pemiutang tentang cara penyelesaian yang lain.

- 13. Jika GCR saya dibayar oleh Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan atau Perkhidmatan Awam Negeri, bagaimana sekiranya ganjaran tidak dapat menampung hutang saya?**

Hutang akan ditolak dari pencen bulanan atau pesara melangsaikan sendiri hutang tersebut dengan pihak pemiutang atau berhubung dengan pihak pemiutang tentang cara penyelesaian yang lain.

- 14. Sekiranya saya mempunyai Pinjaman Perumahan Kedua, adakah 50% daripada hutang tersebut akan ditolak daripada ganjaran saya?**

Sebarang penolakan jumlah hutang adalah tertakluk kepada arahan potongan pencen/ganjaran daripada Bahagian Pinjaman Perumahan, Pembendaharaan Malaysia di talian **03-8880 2000 / 03-88802200 / 03-88802400 / 03-88802600**.

15. Contoh-contoh pengiraan dasar penangguhan sebahagian bayaran ganjaran berkaitan persaraan pilihan adalah seperti berikut:

**Kes 1**

<b>Perkara</b>	<b>RM</b>
<b>Ganjaran diluluskan</b>	<b>40,000.00</b>
<b>* Potongan bagi caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja syer kerajaan yang telah diambil</b>	<b>(10,000.00)</b>
<b>* Potongan pinjaman perumahan</b>	<b>(25,000.00)</b>
<b>Baki selepas mengambilkira potongan</b>	<b>5,000.00</b>
<b>Ganjaran dibayar</b> <b>Kiraan ganjaran dibayar (20% daripada baki ganjaran selepas tolak hutang atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih) :</b> <b>20% x RM5,000.00 = RM 1,000.00</b>  <b>Penjelasan :</b> <b>Maka ganjaran dibayar sebanyak RM 5,000.00 kerana baki selepas ditolak hutang kurang daripada jumlah minimum RM 10,000.00</b>	<b>5,000.00</b>
<b>Baki yang dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur persaraan wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib</b>	<b>0.00</b>

\* Potongan dibuat berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh KWSP dan Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP)

**Kes 2 :**

<b>Perkara</b>	<b>RM</b>
<b>Ganjaran diluluskan</b>	<b>40,000.00</b>
<b>Tiada potongan bagi menjelaskan hutang kepada kerajaan</b>	<b>-</b>
<b>Baki selepas mengambilkira potongan</b>	<b>40,000.00</b>
<b>Ganjaran dibayar</b> <b>Kiraan ganjaran dibayar (20% daripada baki ganjaran selepas tolak hutang atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih) :</b> <b>20% x RM40,000.00 = RM 8,000.00</b>  <b>Penjelasan :</b> <b>Ganjaran dibayar sebanyak RM10,000.00 kerana ianya melebihi RM8,000.00 (20% daripada ganjaran)</b>	<b>10,000.00</b>
<b>Baki yang dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur persaraan wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib</b>	<b>30,000.00</b>

**Kes 3 :**  
**Lantikan pada atau selepas 12/4/1991**

Tarikh	Perkara												
1/3/2010	Persaraan pilihan diluluskan												
2/3/2010	<p>Faedah persaraan diluluskan seperti berikut :</p> <table> <tr> <td>Pencen</td> <td>-</td> <td>RM</td> <td>1,500.00</td> </tr> <tr> <td>Ganjaran</td> <td>-</td> <td>RM</td> <td>100,000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4"><b>GCR – RM 15,000.00</b></td> </tr> </table>	Pencen	-	RM	1,500.00	Ganjaran	-	RM	100,000.00	<b>GCR – RM 15,000.00</b>			
Pencen	-	RM	1,500.00										
Ganjaran	-	RM	100,000.00										
<b>GCR – RM 15,000.00</b>													
21/4/2010	<p>Pembayaran disediakan dengan mengambilkira potongan</p> <p><b>1. Ganjaran</b></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Perkara</th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ganjaran diluluskan</td> <td>100,000.00</td> </tr> <tr> <td>Potongan bagi caruman KWSP syer kerajaan yang telah diambil</td> <td>(25,000.00)</td> </tr> <tr> <td>Baki selepas mengambilkira potongan</td> <td>75,000.00</td> </tr> <tr> <td> <p><b>Ganjaran dibayar</b></p> <p>Kiraan ganjaran dibayar (20% daripada baki ganjaran selepas tolak hutang atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih) :  <math>20\% \times RM75,000.00 = RM 15,000.00</math></p> <p>→ ganjaran dibayar RM15,000.00</p> <p>(Baki RM 60,000.00 dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur persaraan wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib)</p> </td> <td>15,000.00</td> </tr> </tbody> </table> <p><b>2. GCR – RM15,000.00</b></p>	Perkara	RM	Ganjaran diluluskan	100,000.00	Potongan bagi caruman KWSP syer kerajaan yang telah diambil	(25,000.00)	Baki selepas mengambilkira potongan	75,000.00	<p><b>Ganjaran dibayar</b></p> <p>Kiraan ganjaran dibayar (20% daripada baki ganjaran selepas tolak hutang atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih) :  <math>20\% \times RM75,000.00 = RM 15,000.00</math></p> <p>→ ganjaran dibayar RM15,000.00</p> <p>(Baki RM 60,000.00 dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur persaraan wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib)</p>	15,000.00		
Perkara	RM												
Ganjaran diluluskan	100,000.00												
Potongan bagi caruman KWSP syer kerajaan yang telah diambil	(25,000.00)												
Baki selepas mengambilkira potongan	75,000.00												
<p><b>Ganjaran dibayar</b></p> <p>Kiraan ganjaran dibayar (20% daripada baki ganjaran selepas tolak hutang atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih) :  <math>20\% \times RM75,000.00 = RM 15,000.00</math></p> <p>→ ganjaran dibayar RM15,000.00</p> <p>(Baki RM 60,000.00 dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur persaraan wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib)</p>	15,000.00												
1/6/2010	<p>Pada tarikh persaraan pilihan berkuatkuasa, pembayaran akan dikreditkan ke akaun pesara seperti berikut :</p> <p>1. Ganjaran – RM 15,000.00</p> <p>2. GCR – RM15,000.00</p>												
7/9/2010	BP menerima arahan potongan daripada LHDN sebanyak RM												

Tarikh	Perkara
	<p>17,000.00.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- arahan dilaksanakan dan potongan dibuat daripada baki ganjaran yang masih belum dibayar (RM60,000.00 – RM 17,000.00).</li> <li>- pesara akan dimaklumkan tentang pemotongan tersebut dan baki ganjaran yang akan diterima pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur persaraan wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib adalah sebanyak RM 43,000.00.</li> </ul>
15/10/2010	<p>BP menerima arahan potongan daripada BPP bagi melaksanakan potongan daripada ganjaran sebanyak RM 1,400.00 dan potongan daripada pencen RM 700.00 sebulan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- arahan dilaksanakan dan potongan dibuat daripada baki ganjaran yang masih belum dibayar (RM43,000.00 – RM 1,400.00).</li> <li>- pesara akan dimaklumkan tentang pemotongan daripada ganjaran</li> <li>- baki ganjaran yang akan diterima pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur persaraan wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib adalah sebanyak RM 41,600.00.</li> <li>- BPP dan pesara akan dimaklumkan bahawa potongan daripada pencen tidak dapat dilaksanakan kerana pesara belum layak terima pencen. Pesara perlu menjelaskan sendiri potongan bulanan bagi sepanjang tempoh pencen tidak diterima atau merujuk kepada BPP berhubung dengan cara penyelesaian yang lain. BPP perlu mengeluarkan arahan baru untuk potongan pada umur persaraan wajib.</li> </ul>
31/1/2015	<p>Mencapai umur persaraan wajib</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- baki ganjaran dibayar (RM 41,600.00)</li> <li>- pencen bulanan mula dibayar dan potongan daripada pencen bagi menyelesaikan baki pinjaman perumahan akan dilaksanakan berdasarkan arahan daripada BPP yang baru.</li> </ul>

**Kes 4 :**  
**Lantikan pada atau selepas 12/4/1991**

Tarikh	Perkara												
1/3/2010	Persaraan pilihan diluluskan												
2/3/2010	<p>Faedah persaraan diluluskan seperti berikut :</p> <table> <tr> <td>Pencen</td> <td>-</td> <td>RM</td> <td>1,500.00</td> </tr> <tr> <td>Ganjaran</td> <td>-</td> <td>RM</td> <td>100,000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4"><b>GCR – RM 19,000.00</b></td> </tr> </table>	Pencen	-	RM	1,500.00	Ganjaran	-	RM	100,000.00	<b>GCR – RM 19,000.00</b>			
Pencen	-	RM	1,500.00										
Ganjaran	-	RM	100,000.00										
<b>GCR – RM 19,000.00</b>													
21/4/2010	<p>Pembayaran disediakan dengan mengambilkira potongan</p> <p><b>1. Ganjaran</b></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Perkara</th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ganjaran diluluskan</td> <td>100,000.00</td> </tr> <tr> <td>Potongan bagi caruman KWSP syer kerajaan yang telah diambil</td> <td>(55,000.00)</td> </tr> <tr> <td>Baki selepas mengambilkira potongan</td> <td>45,000.00</td> </tr> <tr> <td> <p><b>Ganjaran dibayar</b></p> <p>Kiraan ganjaran dibayar (20% daripada baki ganjaran selepas tolak hutang atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih) :            20% x RM45,000 = RM9,000.00</p> <p>→Ganjaran di bayar = RM10,000.00</p> <p><i>(Baki RM 35,000.00 dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur persaraan wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib)</i></p> </td> <td>10,000.00</td> </tr> </tbody> </table> <p><b>2. GCR – RM19,000.00</b></p>	Perkara	RM	Ganjaran diluluskan	100,000.00	Potongan bagi caruman KWSP syer kerajaan yang telah diambil	(55,000.00)	Baki selepas mengambilkira potongan	45,000.00	<p><b>Ganjaran dibayar</b></p> <p>Kiraan ganjaran dibayar (20% daripada baki ganjaran selepas tolak hutang atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih) :            20% x RM45,000 = RM9,000.00</p> <p>→Ganjaran di bayar = RM10,000.00</p> <p><i>(Baki RM 35,000.00 dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur persaraan wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib)</i></p>	10,000.00		
Perkara	RM												
Ganjaran diluluskan	100,000.00												
Potongan bagi caruman KWSP syer kerajaan yang telah diambil	(55,000.00)												
Baki selepas mengambilkira potongan	45,000.00												
<p><b>Ganjaran dibayar</b></p> <p>Kiraan ganjaran dibayar (20% daripada baki ganjaran selepas tolak hutang atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih) :            20% x RM45,000 = RM9,000.00</p> <p>→Ganjaran di bayar = RM10,000.00</p> <p><i>(Baki RM 35,000.00 dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur persaraan wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib)</i></p>	10,000.00												
1/6/2010	<p>Pada tarikh persaraan pilihan berkuatkuasa, pembayaran akan dikreditkan ke akaun pesara seperti berikut :</p> <p><b>3. Ganjaran – RM 10,000.00</b></p> <p><b>4. GCR – RM19,000.00</b></p>												
7/9/2010	BP menerima arahan potongan daripada LHDN sebanyak RM												

Tarikh	Perkara
	<p><b>40,000.00.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- arahan dilaksanakan dan potongan dibuat setakat baki ganjaran yang masih belum dibayar iaitu RM35,000.00 sahaja.</li> <li>- LHDN dan pesara akan dimaklumkan tentang pemotongan tersebut. Pesara perlu berhubung dengan LHDN tentang cara penyelesaian bagi baki yang tidak dapat dipotong.</li> </ul>
15/10/2010	<p>BP menerima arahan potongan daripada BPP bagi melaksanakan potongan daripada ganjaran sebanyak RM 1,400.00 dan potongan daripada pencen sebanyak RM 700.00 sebulan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Arahan tidak dapat dilaksanakan.</li> <li>- BPP akan dimaklumkan bahawa tiada potongan dapat dilaksanakan daripada ganjaran dan pencen. BPP perlu mengeluarkan arahan baru untuk potongan pada umur persaraan wajib.</li> <li>- Pesara perlu berhubung dengan BPP tentang cara penyelesaian.</li> </ul>
31/1/2015	<p>Mencapai umur persaraan wajib</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pencen bulanan mula dibayar dan potongan BPP dilaksanakan berdasarkan arahan yang baru.</li> <li>- Tiada bayaran baki ganjaran.</li> </ul>

**Kes 5 :**  
**Lantikan sebelum 12/4/1991**

Tarikh	Perkara												
1/3/2010	Persaraan pilihan diluluskan												
2/3/2010	<p>Faedah persaraan diluluskan seperti berikut :</p> <table> <tr> <td>Pencen</td> <td>-</td> <td>RM</td> <td>1,500.00</td> </tr> <tr> <td>Ganjaran</td> <td>-</td> <td>RM</td> <td>100,000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4">GCR – RM 19,000.00</td> </tr> </table>	Pencen	-	RM	1,500.00	Ganjaran	-	RM	100,000.00	GCR – RM 19,000.00			
Pencen	-	RM	1,500.00										
Ganjaran	-	RM	100,000.00										
GCR – RM 19,000.00													
21/4/2010	<p>Pembayaran disediakan dengan mengambilkira potongan</p> <p>1. Ganjaran</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Perkara</th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ganjaran diluluskan</td> <td>100,000.00</td> </tr> <tr> <td>Potongan bagi caruman KWSP syer kerajaan yang telah diambil</td> <td>(55,000.00)</td> </tr> <tr> <td>Baki selepas mengambilkira potongan</td> <td>45,000.00</td> </tr> <tr> <td> <p>Ganjaran dibayar</p> <p>Kiraan ganjaran dibayar (20% daripada baki ganjaran selepas tolak hutang atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih) :  <math>20\% \times RM45,000 = RM9,000.00</math></p> <p>→ Ganjaran di bayar = RM10,000.00</p> <p>(Baki RM 35,000.00 dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur persaraan wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib)</p> </td> <td>10,000.00</td> </tr> </tbody> </table> <p>2. GCR – RM19,000.00</p> <p>3. Pencen – RM1,500.00</p>	Perkara	RM	Ganjaran diluluskan	100,000.00	Potongan bagi caruman KWSP syer kerajaan yang telah diambil	(55,000.00)	Baki selepas mengambilkira potongan	45,000.00	<p>Ganjaran dibayar</p> <p>Kiraan ganjaran dibayar (20% daripada baki ganjaran selepas tolak hutang atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih) :  <math>20\% \times RM45,000 = RM9,000.00</math></p> <p>→ Ganjaran di bayar = RM10,000.00</p> <p>(Baki RM 35,000.00 dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur persaraan wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib)</p>	10,000.00		
Perkara	RM												
Ganjaran diluluskan	100,000.00												
Potongan bagi caruman KWSP syer kerajaan yang telah diambil	(55,000.00)												
Baki selepas mengambilkira potongan	45,000.00												
<p>Ganjaran dibayar</p> <p>Kiraan ganjaran dibayar (20% daripada baki ganjaran selepas tolak hutang atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih) :  <math>20\% \times RM45,000 = RM9,000.00</math></p> <p>→ Ganjaran di bayar = RM10,000.00</p> <p>(Baki RM 35,000.00 dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur persaraan wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib)</p>	10,000.00												
1/6/2010	<p>Pada tarikh persaraan pilihan berkuatkuasa, pembayaran akan dikreditkan ke akaun pesara seperti berikut :</p> <p>1. Ganjaran – RM 10,000.00</p> <p>2. GCR – RM19,000.00</p>												

Tarikh	Perkara
	3. Pencen – RM1,500.00 (dibayar pada tarikh pem bayaran pencen)
7/9/2010	<p>BP menerima arahan potongan daripada LHDN sebanyak RM 40,000.00.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- arahan dilaksanakan dan potongan dibuat setakat baki ganjaran yang masih belum dibayar iaitu RM35,000.00.</li> <li>- LHDN dan pesara akan dimaklumkan tentang pemotongan tersebut. Pesara perlu berhubung dengan LHDN tentang cara penyelesaian.</li> <li>- LHDN perlu mengeluarkan arahan baru sekiranya potongan daripada pencen hendak dilaksanakan.</li> </ul>
15/10/2010	<p>BP menerima arahan potongan daripada BPP bagi melaksanakan potongan daripada ganjaran sebanyak RM 1,400.00 dan potongan daripada pencen sebanyak RM 700.00 sebulan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Potongan daripada ganjaran tidak dapat dilaksanakan. BPP dan pesara akan dimaklumkan. Pesara perlu menjelaskan sendiri tunggakan tersebut terus kepada BPP atau berhubung dengan BPP untuk cara penyelesaian yang lain.</li> <li>- Potongan daripada pencen akan dilaksanakan mengikut arahan BPP. Pencen bulanan juga akan dikemaskini (RM1,500.00 – RM700.00 = RM800.00).</li> </ul>
31/1/2015	<p>Mencapai umur persaraan wajib</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada bayaran ganjaran</li> </ul>